



NEGERI SELANGOR

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF SELANGOR GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 68
No. 11

21hb Mei 2015

*TAMBAHAN No. 2
ENAKMEN*

Enakmen yang berikut, yang telah diluluskan oleh Dewan Undangan Selangor dan dipersetujui oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor, adalah diterbitkan menurut Fasal (4) Perkara LXXVIII Bahagian Kedua Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor:

The following Enactment, passed by the Selangor Legislative Assembly and assented to by His Royal Highness the Sultan of Selangor, are published pursuant to Clause (4) of Article LXXVIII of the Second Part of the Laws of the Constitution of Selangor:

| No. | Tajuk ringkas/Short title |
|---------------|--|
| Enakmen A44 | Enakmen Perbekalan Tambahan (No. 2) (2014) 2015 |
| Enactment A44 | Supplementary Supply (No. 2) (2014) Enactment 2015 |
| Enakmen A45 | Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) (Pindaan) 2015 |
| Enactment A45 | Administration of the Religion of Islam (State of Selangor) (Amendment) Enactment 2015 |

UNDANG-UNDANG NEGERI SELANGOR

Enakmen A44

**ENAKMEN PERBEKALAN TAMBAHAN (NO. 2)
(2014) 2015**

BETA PERKENANKAN,

(MOHOR
KERAJAAN)

SHARAFUDDIN IDRIS SHAH,
Sultan Selangor

13 Mei 2015

Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan Negeri untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2014 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud tertentu bagi tahun itu.

[]

BAHAWASANYA wang sejumlah satu bilion, tujuh ratus tiga puluh satu juta, sembilan ratus enam puluh enam ribu, empat ratus tujuh puluh tujuh ringgit (RM1,731,966,477.00) telah diperuntukkan oleh Enakmen Perbekalan (2014) 2013 bagi perkhidmatan tahun 2014:

DAN BAHAWASANYA sekarang perlulah dibuat satu lagi peruntukan wang sejumlah tiga juta, lapan ratus enam puluh sembilan ribu, lapan ratus enam puluh ringgit (RM3,869,860.00) bagi menampung perbelanjaan tambahan perkhidmatan tahun 2014.

DIPERBUAT oleh Badan Perundangan Negeri Selangor seperti yang berikut:

Tajuk ringkas

1. Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Perbekalan Tambahan (No. 2) (2014) 2015.

Perbelanjaan tambahan bagi tahun 2014

2. Maka dengan ini dibenarkan pengeluaran sejumlah wang yang tidak melebihi tiga juta, lapan ratus enam puluh sembilan ribu, lapan ratus enam puluh ringgit (RM3,869,860.00) daripada Kumpulan Wang Disatukan Negeri bagi perbelanjaan tambahan untuk perkhidmatan dan maksud yang dinyatakan dalam Jadual bagi tahun 2014 yang tidak diperuntukkan atau yang tidak diperuntukkan dengan sepenuhnya oleh Enakmen Perbekalan (2014) 2013 [*Enakmen A38*].

JADUAL

| <i>Maksud</i> | <i>Tajuk</i> | <i>Amaun (RM)</i> |
|---------------|------------------------------|-----------------------|
| B. 3 | Dewan Negeri Selangor | 3,671,030.00 |
| B. 11 | Pejabat Mufti | 57,990.00 |
| B. 14 | Jabatan Agama Islam Selangor | 140,840.00 |
| | Jumlah ... | <u>3,869,860.00</u> |

Diluluskan pada 7 April 2015
[P.U. Sel. (ADV)GUB(R)06/3]

ELYA MARINI BINTI DARMIN
*Setiausaha Dewan Negeri
Selangor*

LAWS OF THE STATE OF SELANGOR

Enactment A44

**SUPPLEMENTARY SUPPLY (NO. 2) (2014)
ENACTMENT 2015**

I ASSENT,

(STATE
SEAL)

SHARAFUDDIN IDRIS SHAH,
Sultan of Selangor

13 May 2015

An Enactment to apply a sum from the Consolidated Fund of the State for additional expenditure for the service of the year 2014 and to appropriate that sum for the service of that year.

[]

WHEREAS the sum of one billion, seven hundred thirty-one million, nine hundred sixty-six thousand, four hundred seventy-seven ringgit (RM1,731,966,477.00) has been provided by the Supply (2014) Enactment 2013 for the service of the year 2014:

AND WHEREAS it is now requisite that a further provision of a sum of three million, eight hundred sixty-nine thousand, eight hundred sixty ringgit (RM3,869,860.00) be made for additional expenditure for the service of the year 2014.

ENACTED by the Legislature of the State of Selangor as follows:

Short title

1. This Enactment may be cited as the Supplementary Supply (No. 2) (2014) Enactment 2015.

Additional expenditure for the year 2014

2. The issue is hereby authorized of a sum not exceeding three million, eight hundred sixty-nine thousand eight hundred sixty ringgit (RM3,869,860.00) from the Consolidated Fund of the State for additional expenditure on the services and purposes specified in the Schedule for the year 2014 not provided for or not fully provided for by the Supply (2014) Enactment 2013 [*Enactment A38*].

SCHEDULE

| <i>Purpose</i> | <i>Title</i> | <i>Amount (RM)</i> |
|----------------|---------------------------------------|------------------------|
| B. 3 | Legislative Assembly | 3,671,030.00 |
| B. 11 | Office of <i>Mufti</i> | 57,990.00 |
| B. 14 | Selangor Islamic Religious Department | 140,840.00 |
| | Total ... | <u>3,869,860.00</u> |

Passed this 7 April 2015
[P.U. Sel. (ADV)GUB(R)06/3]

ELYA MARINI BINTI DARMIN
*Clerk of the Legislative Assembly
Selangor*

UNDANG-UNDANG NEGERI SELANGOR

Enakmen A45

**ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM
(NEGERI SELANGOR) (PINDAAN) 2015**

BETA PERKENANKAN,

(MOHOR
KERAJAAN)

SHARAFUDDIN IDRIS SHAH,
Sultan Selangor

13 Mei 2015

Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003.

[]

DIPERBUAT oleh Badan Perundangan Negeri Selangor seperti yang berikut:

Tajuk ringkas

1. Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) (Pindaan) 2015.

Pindaan seksyen 2

2. Seksyen 2 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 [*Enakmen No. 1/2003*] yang disebut “Enakmen ibu” dalam Enakmen ini dipinda dalam subseksyen (1)—

(a) dengan menggantikan tafsiran “wakaf am” dengan tafsiran yang berikut:

‘ “wakaf am” ertinya apa-apa wakaf yang diwujudkan bagi tujuan kebajikan umum menurut Hukum Syarak;’
dan

(b) dengan menggantikan tafsiran “wakaf khas” dengan tafsiran yang berikut:

‘ “wakaf khas” ertinya apa-apa wakaf yang diwujudkan bagi tujuan kebajikan atau pihak yang khusus menurut Hukum Syarak;’.

Pindaan seksyen 7

3. Seksyen 7 Enakmen ibu dipinda dalam subseksyen (2), dengan menggantikan perenggan (g) dengan perenggan yang berikut:

“(g) untuk menubuhkan, mengurus, atau mengawal apa-apa rumah yang dikelolakan oleh Majlis; dan”.

Pindaan seksyen 11

4. Perenggan 11(1)(c) Enakmen ibu dipinda—

(a) dengan menggantikan perkataan “lima” dengan perkataan “enam”;

(b) dalam subperenggan (v), dengan memotong perkataan “dan” di hujung subperenggan itu; dan

(c) dengan memasukkan selepas subperenggan (v) subperenggan yang berikut:

“(vi) Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor; dan”.

Pindaan seksyen 55

5. Seksyen 55 Enakmen ibu dipinda dengan memasukkan selepas subseksyen (4) subseksyen yang berikut:

“(5) Setiap Mahkamah Syariah termasuk Mahkamah Rayuan Syariah hendaklah mempunyai dan menggunakan meterai sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Hakim Syarie.”.

Pindaan seksyen 56

6. Seksyen 56 Enakmen ibu dipinda dengan menggantikan subseksyen (2) dengan subseksyen yang berikut:

“(2) Seseorang layak dilantik di bawah subseksyen (1) jika—

(a) dia seorang warganegara; dan

(b) dia—

(i) selama tidak kurang daripada sepuluh tahun sebelum pelantikannya, telah memegang jawatan Hakim Mahkamah Tinggi Syariah atau Hakim Mahkamah Rendah Syariah atau Kadhi atau Pendaftar atau Pendakwa Syarie sesuatu Negeri atau Pegawai Syariah dalam Skim Perkhidmatan Awam Persekutuan atau Negeri atau pada suatu masa memegang mana-mana satu daripada jawatan itu dan pada masa yang lain memegang mana-mana jawatan yang lain pula; atau

(ii) selama tidak kurang daripada lima belas tahun sebelum pelantikannya telah menjadi Peguam Syarie sesuatu Negeri atau pada suatu masa sebelum ini di mana-mana Negeri.”.

Pindaan seksyen 58

7. Subperenggan 58(2)(b)(i) Enakmen ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “Pendakwa Syarie sesuatu Negeri atau” perkataan “Pegawai Syariah dalam Skim Perkhidmatan Awam Am Persekutuan atau Negeri”.

Pindaan seksyen 59

8. Subseksyen 59(1) Enakmen ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “perkhidmatan bersama” dengan perkataan “perkhidmatan persekutuan”.

Pindaan seksyen 60

9. Enakmen ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 60 dengan seksyen yang berikut:

“60. Duli Yang Maha Mulia Sultan, atas nasihat Ketua Hakim Syarie, boleh melantik, daripada kalangan anggota perkhidmatan awam am Negeri atau perkhidmatan persekutuan—

- (a) seorang Ketua Pendaftar dan Timbalan Ketua Pendaftar Mahkamah Rayuan Syariah;
- (b) seorang Pendaftar dan Timbalan-Timbalan Pendaftar Mahkamah Tinggi Syariah; dan
- (c) seorang Penolong Kanan Pendaftar dan Penolong-Penolong Pendaftar Mahkamah Rendah Syariah.”.

Pindaan seksyen 62

10. Subseksyen 62(2) Enakmen ibu dipinda—

- (a) dalam teks bahasa kebangsaan, dalam perenggan (a), dengan menggantikan perkataan “rukun-rukun” dengan perkataan “ajaran-ajaran”; dan
- (b) dalam perenggan (b), dengan menggantikan perkataan “seratus ribu ringgit” dengan perkataan “tiga ratus ribu ringgit”.

Seksyen 66A baru

11. Enakmen ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 66 seksyen yang berikut:

“Bidang kuasa Mahkamah Tinggi Syariah bagi semakan kehakiman

66A. Mahkamah Tinggi Syariah, boleh, demi kepentingan keadilan, atas permohonan mana-mana orang, mempunyai bidang kuasa untuk memberi kebenaran dan mendengar permohonan bagi semakan kehakiman ke atas keputusan yang dibuat oleh Majlis atau jawatankuasa-jawatankuasa yang menjalankan fungsi di bawah Enakmen ini.”.

Pindaan seksyen 67

12. Subseksyen 67(2) Enakmen ibu dipinda dalam teks bahasa kebangsaan dengan menggantikan perkataan “keputusan Mahkamah Rayuan Syariah” dengan perkataan “keputusan Mahkamah Rendah Syariah”.

Pindaan seksyen 77

13. Seksyen 77 Enakmen ibu dipinda dalam subseksyen (2)—

(a) dalam perenggan (b), dengan memotong perkataan “dan” di hujung perenggan itu; dan

(b) dengan memasukkan selepas perenggan (b) perenggan yang berikut:

“(bb) seorang anggota Majlis; dan”.

Pindaan seksyen 79

14. Seksyen 79 Enakmen ibu dipinda dalam teks bahasa kebangsaan dengan menggantikan perkataan “rukun-rukun” dengan perkataan “ajaran-ajaran”.

Pindaan seksyen 84**15.** Seksyen 84 Enakmen ibu dipinda—

- (a) dalam subseksyen (3), dengan menggantikan perkataan “diperuntukkan dalam Tatacara Kewangan Majlis” dengan perkataan “ditentukan oleh Majlis”; dan
- (b) dalam subseksyen (4), dengan menggantikan perkataan “diperuntukkan dalam Tatacara Kewangan Majlis” dengan perkataan “ditentukan oleh Majlis”.

Pindaan seksyen 87**16.** Subseksyen 87(2) Enakmen ibu dipinda dengan memasukkan selepas perenggan (b) perenggan yang berikut:

- “(bb) mewujudkan tatacara pembahagian zakat dan fitrah kepada asnaf yang menerima zakat dan fitrah;”.

Diluluskan pada 7 April 2015
[P.U. Sel. (ADV)GUB(R)06/6]

ELYA MARINI BINTI DARMIN
*Setiausaha Dewan Negeri
Selangor*

LAWS OF THE STATE OF SELANGOR

Enactment A45

**ADMINISTRATION OF THE RELIGION OF ISLAM
(STATE OF SELANGOR) (AMENDMENT)
ENACTMENT 2015**

I ASSENT,

(STATE
SEAL)

SHARAFUDDIN IDRIS SHAH,
Sultan of Selangor

13 May 2015

An Enactment to amend the Administration of the Religion of Islam (State of Selangor) Enactment 2003.

[]

ENACTED by the Legislature of the State of Selangor as follows:

Short title

1. This Enactment may be cited as the Administration of the Religion of Islam (State of Selangor) (Amendment) Enactment 2015.

Amendment of section 2

2. Section 2 of the Administration of the Religion of Islam (State of Selangor) Enactment 2003 [*Enactment No. 1/2003*], which is referred to as the “principal Enactment” in this Enactment is amended in subsection (1)—

(a) by substituting for the definition of “*wakaf am*” the following definition:

‘ “*wakaf am*” means any wakaf created for general benevolent/welfare purpose pursuant to *Hukum Syarak*;’; and

(b) by substituting for the definition of “*wakaf khas*” the following definition:

‘ “*wakaf khas*” means any wakaf created for benevolent/welfare purpose or specified party pursuant to *Hukum Syarak*;’.

Amendment of section 7

3. Section 7 of the principal Act is amended in subsection (2), by substituting for paragraph (g) the following paragraph:

“(g) to establish, manage, or control any home operated by the *Majlis*; and”.

Amendment of section 11

4. Paragraph 11(1)(c) of the principal Enactment is amended—

(a) by substituting for the word “five” the word “six”;

(b) in subparagraph (v), by deleting the word “and” at the end of the subparagraph; and

(c) by inserting after subparagraph (v) the following subparagraph:

“(vi) the Director of the Islamic Religious Department of Selangor; and”.

Amendment of section 55

5. Section 55 of the principal Enactment is amended by inserting after subsection (4) the following subsection:

“(5) Each *Syariah* Court including a *Syariah* Appeal Court shall have and use the seal as may be determined by the Chief *Syarie* Judge.”.

Amendment of section 56

6. Section 56 of the principal Enactment is amended by substituting for subsection (2) the following subsection:

“(2) A person is qualified for appointment under subsection (1) if—

(a) he is a citizen; and

(b) he—

(i) has for a period of not less than ten years before his appointment, been a Judge of the *Syariah* High Court or a Judge of the *Syariah* Subordinate Court or a *Kadhi* or a Registrar or a *Syariah* Prosecutor of a State or *Syariah* Officer in the Federal or State Public Service Scheme or sometimes one and sometimes another; or

(ii) has for a period of not less than fifteen years before his appointment, been a *Peguam Syarie* of a State or sometimes previously in any State.”.

Amendment of section 58

7. Subparagraph 58(2)(b)(i) of the principal Enactment is amended by inserting after the words “*Syariah* Prosecutor of a State or” the words “*Syariah* Officer in the Federal or State Public Service Scheme”.

Amendment of section 59

8. Subsection 59(1) of the principal Enactment is amended by substituting for the words “joint service” the words “federal service”.

Amendment of section 60

9. The principal Enactment is amended by substituting for section 60 the following section:

“60. His Royal Highness the Sultan, on the advice of the Chief *Syarie* Judge, may appoint, from amongst members of the State public service or federal service—

- (a) a Chief Registrar and Deputy Chief Registrar of the *Syariah* Appeal Court;
- (b) a Registrar and Deputy Registrars of the *Syariah* High Court; and
- (c) a Senior Assistant Registrar and Assistant Registrars of the *Syariah* Subordinate Courts.”.

Amendment of section 62

10. Subsection 62(2) of the principal Enactment is amended—

- (a) in the national language text, in paragraph (a), by substituting for the words “rukun-rukun” the words “ajaran-ajaran”; and
- (b) in paragraph (b), by substituting for the words “one hundred thousand ringgit” the words “three hundred thousand ringgit”.

New section 66A

11. The principal Enactment is amended by inserting after section 66 the following section:

“Jurisdiction of *Syariah* High Court for judicial review

66A. The *Syariah* High Court, may, in the interest of justice, on the application of any person, have the jurisdiction to grant permission and hear the application for judicial review on the decision made by the *Majlis* or committees carrying out the functions under this Enactment.”.

Amendment of section 67

12. Subsection 67(2) of the principal Enactment is amended in the national language text by substituting for the words “keputusan Mahkamah Rayuan *Syariah*” the words “keputusan Mahkamah Rendah *Syariah*”.

Amendment of section 77

13. Section 77 of the principal Enactment is amended in subsection (2)—

(a) in paragraph (b), by deleting the word “and” at the end of the paragraph; and

(b) by inserting after paragraph (b) the following paragraph:

“(bb) a member of the *Majlis*; and”.

Amendment of section 79

14. Section 79 of the principal Enactment is amended in the national language text by substituting for the words “rukun-rukun” the words “ajaran-ajaran”.

Amendment of section 84

15. Section 84 of the principal Enactment is amended—

- (a) in subsection (3), by substituting for the words “provided in the Financial Procedure of the *Majlis*” the words “determined by the *Majlis*”;
- (b) in subsection (4), by substituting for the words “provided in the Financial Procedure of the *Majlis*” the words “determine by the *Majlis*”.

Amendment of section 87

16. Subsection 87(2) of the principal Enactment is amended by inserting after paragraph (b) the following paragraph:

“(bb) create procedures on distribution of *zakat* and *fitrah* to asnaf who receives *zakat* and *fitrah*”.

Passed this 7 April 2015
[P.U. Sel. (ADV)GUB(R)06/6]

ELYA MARINI BINTI DARMIN
Clerk of the Legislative Assembly
Selangor

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/ atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
KUALA LUMPUR
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA